



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 3 NOVEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	PADI AKAN DITANAM LIMA KALI 2 TAHUN, NEGERI, SH -26	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
2.	PENIAGA BAHULU, NASI LEMAK GELABAH, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN
3.	TERNAKAN LEMBU INTEGRASI DIPERKENAL DI LADANG, BULETIN DARUL NAIM, HARAKAH -H22	
4.	PEMBIAYAAN ALTERNATIF UNTUK SEKTOR PERTANIAN, NIAGA, KOSMO -37	
5.	SC, AGENSI KAJI PINJAMAN ALTERNATIF SEKTOR TANI, BISNES, BH-26	
6.	PEMBIAYAAN ALTERNATIF PERLU DIKAJI, BISNES, SH-30	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

3/11/2022

SINAR  
HARIAN

NEGERI

26

# Padi akan ditanam lima kali 2 tahun

Kaedah penanaman yang dikenali sebagai penanaman padi 5:2 itu melibatkan keluasan lebih 1,000 hektar

Oleh **NURUL  
HIDAYAH HAMID  
ALOR SETAR**

**P**elaksanaan inisiatif penanaman padi lima musim bagi tempoh dua tahun di Kedah seperti dicadangkan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor akan dilaksanakan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Exco Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan Perdagangan dan Komoditi Kedah, Datuk Azman Nasrudin berkata, penanaman padi yang dikenali sebagai penanaman padi 5:2 itu akan meliputi kawasan penanaman yang pernah diusahakan kaedah penanaman sama pada 2016.

Menurut beliau, penanaman padi 5:2 melalui MADA akan melibatkan keluasan 1,220.05 hektar.

"Kementerian Pertanian dan Industri

Makanan sedang ke arah pelaksanaan inisiatif penanaman padi lima musim bagi tempoh dua tahun, atau turut dikenali sebagai penanaman padi 5:2.

"Sebagai permulaan, inisiatif ini akan dilaksanakan di Kedah di bawah MADA dengan keluasan sebanyak 1,220.05 hektar dan Perak di bawah seliaan Padi beras Nasional Berhad (BERNAS) akan diusahakan di kawasan seluas 166 hektar," katanya ketika Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah di Wisma Darul Aman, di sini, pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Mohd Azam Abd Samat (Sungai Limau-Pas) tentang usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi negeri dan persekutuan untuk merealisasikan tananaman padi lima kali dua tahun.



**AZMAN**

Sukar peroleh bekalan telur ayam, peruncit hadkan jualan 10 biji setiap pelanggan

# Peniaga baulu, nasi lemak gelabah

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Peniaga makanan terutama nasi lemak dan baulu di negeri ini mula gelabah memikirkan bekalan telur ayam yang semakin sukar diperolehi di kedai runcit ketika ini.

Rata-rata mereka buntu semasa peniaga terpaksa menghentikan tempahan buat sementara waktu, selain hanya mengutamakan pelanggan di majlis kenduri.

Pengusaha Rashidah's Bahulu Warisan, Mohd. Sobri Hamid berkata, kesukaran memperoleh bekalan telur ayam bagi semua gred itu berlaku dua minggu lalu.

Katanya, hampir semua kedai runcit dan pasar mini berdekatan kediamannya di Teluk Kumbar di sini berdepan masalah tersebut.

"Kalau masuk mana-mana kedai runcit memang takdak

"Sudahlah tempahan baulu semakin meningkat, telur ayam bagi gred AA pula payah dicari. Kami kini terkesan kira-kira 30 peratus untuk siapkan tempahan daripada pelanggan," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Dalam pada itu, ujarnya, kekurangan bekalan telur ayam turut menyumbang kepada peningkatan harga jualan di pasaran ketika ini.

"Telur gred AA naik harga daripada RM16.50 sepapan kepada RM17.50. Telur ayam yang dipual di kedai runcit sedikit mahal berbanding di pasar.

"Kami terpaksa beli terus dari lori pembekal telur ayam di Permatang Damar Laut dan Batu Maung pada harga RM15.50 sepapan. Adakalanya mereka (pembekal) juga tiada stok telur bagi gred AA," ujarnya yang menggunakan telur gred AA bagi

mengekalkan kualiti adunan dan rasa enak baulu.

Sementara itu, seorang peniaga nasi lemak di Bayan Lepas, Zahir Manan, 40-an, pula memberitahu, dia turut berdepan masalah sama apabila pemborong mencatu jualan telur ayam kepada 30 biji (sepapan) bagi setiap keluarga.

"Setiap kali ke kedai runcit untuk membeli bekalan telur ayam gred B dan gred lain mesti habis, manakala di pasar raya besar pula akan mula habis pada sebelah petang.

"Kami jangka telur ayam akan naik harga lagi. Itu sebab berlaku masalah sebegini," katanya.

Semalam, Kosmo! melaporkan, Kerajaan bersetuju menaikan kadar subsidi telur ayam gred A, B dan C sebanyak dua sen sejoli menjadi 10 sen berkuat kuasa kelmarin.



**BEKALAN telur ayam yang semakin sukar diperolehi ketika ini meresahkan peniaga makanan di Pulau Pinang.** – GAMBAR HIASAN

(tiada) telur. Nasib sahaja kalau ada orang (pelanggan) yang belum ambil atau beli, itu dianggap setiap pelanggan.

## Ternakan lembu integrasi diperkenal di ladang



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyerahkan projek perintis Usahawan Ternak al Falah kepada Wan Ismail Wan Mamat.

**KELANTAN** berusaha menambah populasi ternakan lembu melalui kaedah ternakan integrasi bagi menjamin bekalan daging segar tempatan mencukupi pada masa hadapan.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, konsep penternakan lembu integrasi diperkenalkan tahun ini di Ladang Kelapa Sawit FGV Aring 1, Blok B milik FELDA di kawasan seluas 600 ekar.

Katanya, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) merintis projek itu dengan menyelia proses membeli dan membina kandang penternakan tersebut.

Manakala kata beliau pengurusan pula dikendalikan Pegawai Seranta Dewan Undangan Negeri (DUN) Paloh dan pemantauan dilaksanakan pegawai Veterinar Gua Musang.

"Kita memperuntukkan dana RM200,000 kepada KPKB untuk menyelia urusan membeli lembu, pembinaan infrastruktur ladang dan kos operasi dalam tempoh tiga tahun," katanya selepas melawat Ladang Integrasi Al-Falah, 27 Oktober lepas.

Konsep penternakan tersebut di mana usaha-

wan ternak memelihara 52 ekor lembu termasuk anak secara lepas bebas meragut di ladang tanaman kekal.

Tuan Saipudin juga berkata, kaedah itu dapat memaksimumkan penggunaan tanah peneroka seluas 82 ekar.

Oleh itu beliau berharap agensi kerajaan, syarikat atau persatuan untuk mengembangkan industri penternakan lembu ladang berskala besar melalui strategi ternakan integrasi di ladang sawit.

"Ia bagi menjayakan Dasar Pertanian Negeri Kelantan 2021-2025 dan Pelan Tindakan Strategik Pertanian Negeri Kelantan untuk sektor penternakan," ujarnya.

Sementara itu Pengerus Korporat KPKB Nasrul Hakimi Mohd Nasir berkata, peserta usahawan ternak, Wan Ismail Wan Mamat dipilih memulakan projek perintis berdasarkan pengalamannya.

Katanya konsep integrasi ternakan dapat mengurangkan kos makanan ruminan dan mengurangkan penggunaan racun rumpai serta kos pembajaan.

"Kaedah ini bermanfaat dari segi pengawalan rumpai dan dapat dijadikan sumber pendapatan lain kepada pemilik ladang," katanya.

# Pembiayaan alternatif untuk sektor pertanian



**SALURAN** pembiayaan alternatif dijangka dapat membantu mengatasi masalah kewangan PKS dalam sektor pertanian. - GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA** - Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan agensi pertanian utama baru-baru ini telah membincangkan kaedah menangan jurang pembiayaan yang dihadapi oleh perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam sektor pertanian.

Seramai 40 wakil daripada agensi dan pemain industri telah menghadiri bengkel Grow, iaitu satu usaha sama antara SC dengan rakan kongsi ekosistem bagi memanfaatkan potensi platform digital penajaan dana alternatif.

ia juga bertujuan untuk memenuhi keperluan pemain yang kurang mendapat perhatian dalam sektor strategik seperti pertanian.

Pendanaan ramai ekuiti atau *equity crowdfunding* (ECF) dan pembiayaan *peer-to-peer* (P2P) antara mekanisme pembiayaan alternatif yang dibincangkan dan dikenal pasti sebagai kaedah pembiayaan dalam sektor itu.

Pengerusi SC, Datuk Seri Awang Adek Hussin dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam berkata, penting untuk meluaskan akses kepada pasaran modal untuk perniagaan tempatan.

"Kami telah melihat bagaimana teknologi telah memperluas pembiayaan melalui platform



**AWANG ADEK**

digital seperti pendanaan ECF dan pembiayaan P2P.

"Kami percaya saluran pembiayaan alternatif ini berpotensi untuk menangan beberapa keperluan pembiayaan PKS dalam sektor pertanian," katanya.

Susulan daripada bengkel berkenaan, SC turut merancang untuk melancarkan penglibatan industri yang lebih luas bersama pemegang kepentingan utama pada tahun hadapan termasuk menganjurkan Persidangan Grow Fintech.

Tambah Awang Adek, ia akan diikuti dengan bengkel Grow di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran mengenai pendanaan ECF dan pembiayaan P2P sebagai pilihan pembiayaan untuk PKS asas tani mengem-

Kami percaya saluran pembiayaan alternatif ini berpotensi untuk menangan beberapa keperluan pembiayaan PKS dalam sektor pertanian."

bangkan perniagaan.

Program ini akan melengkapkan usaha berterusan kerajaan untuk menyokong pengumpulan dana alternatif oleh perniagaan pertanian seperti Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF).

MyCIF, inisiatif pelaburan awam-swasta yang ditadbir oleh SC telah menyaksikan peningkatan penggunaan dalam sektor pertanian selepas melaksanakan nisbah khas 1:2 pada 2022.

MyCIF telah melabur sebanyak RM1 untuk setiap RM2 yang diperoleh daripada pelabur swasta melalui platform yang diambil bahagian oleh penerbit yang layak dalam pelbagai projek pertanian.

Ia turut melibatkan firma yang menggunakan teknologi untuk meningkatkan hasil pertanian dan pengeluaran akuakultur.

# SC, agensi kaji pinjaman alternatif sektor tani

Suruhannya Sekuriti Malaysia (SC) dan agensi pertanian utama mengadakan perbincangan mengenai kaedah menanganai jurang pembiayaan yang dihadapi oleh perusabahan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang terlibat dalam sektor pertanian dalam usaha meningkatkan keselamatan makanan negara.

Menurut SC, seramai 40 orang wakil daripada agensi dan pemain industri sudah menghadiri bengkel GROW, sebuah program kerjasama baharu di bawah inisiatif utama teknologi kewangan (FinTech) suruhanjaya itu dikenali SCxSC.

"GROW adalah satu usaha kolaboratif antara SC dan rakan kongsi ekosistem bagi memanfaatkan potensi platform digital penjaminan dana alternatif. Ini bertujuan untuk memenuhi keperluan pemain yang kurang mendapat perhatian

dalam sektor strategik seperti pertanian.

"Pendanaan ramai ekuiti (ECF) dan pembiayaan rakan setara (pembiayaan P2P) adalah antara mekanisme pembiayaan alternatif yang dibincangkan semasa bengkel ini, yang dikenali sebagai kaedah pembiayaan dalam sektor berkaitan," katanya.

Pengerusi SC, Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin, berkata wujud kepentingan meluaskan akses kepada pasaran modal untuk perniagaan tempatan.

"Kami sudah melihat bagaimana teknologi memperluas pembiayaan melalui platform digital seperti pendanaan ECF dan pembiayaan P2P.

"Kami percaya saluran pem-



Awang Adek Hussin

daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Agrobank.

Awang Adek berkata, peserta bengkel menyeru ke arah penyelarasan ekosistem yang lebih baik bagi menggerakkan sektor pertanian ke hadapan serta mengukuhkan keselamatan makanan negara.

biayaan alternatif ini berpotensi untuk menangani beberapa keperluan pembiayaan PMKS dalam sektor pertanian juga," katanya.

Bengkel GROW disertai pegawai kanan daripada Kementerian, agensi dan peserta utama dalam ekosistem pertanian yang berkaitan, termasuk wakil

daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Agrobank.

Awang Adek berkata, peserta bengkel menyeru ke arah penyelarasan ekosistem yang lebih baik bagi menggerakkan sektor pertanian ke hadapan serta mengukuhkan keselamatan makanan negara.

"Mereka juga menekankan keperluan untuk meningkatkan kesedaran tentang peranan pembiayaan alternatif untuk sektor pertanian. Mereka mengalu-alukan pembangungan instrumen pembiayaan yang lebih inovatif untuk memenuhi keperluan perniagaan tani yang pelbagai," katanya.

Berikutan bengkel itu, SC merancang untuk melancarkan pembabitatan industri yang lebih luas bersama pemegang kepentingan utama pada tahun hadapan, termasuk menganjurkan Persidangan GROW FinTech.

Ini akan diikuti dengan bengkel GROW di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran mengenai pendanaan ECF dan pembiayaan P2P sebagai pilihan pembiayaan yang berdaya maju untuk PKS asas tani bagi membangunkan perniagaan mereka.

# Pembiayaan alternatif perlu dikaji

Wujudkan instrumen pembiayaan sektor pertanian yang lebih inovatif bagi memenuhi pelbagai perniagaan agro

**KUALA LUMPUR**

**S**uruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan agensi pertanian utama sedang meneliti pembiayaan alternatif untuk sektor tani bagi menangani jurang pembiayaan dihadapi oleh perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) berasaskan pertanian.

Kira-kira 40 wakil daripada agensi dan pemain industri dalam minggu ini telah menghadiri bengkel yang dipanggil GROW, program kerjasama baharu di bawah inisiatif utama fintech SC, SCxSC dalam usaha untuk

kan potensi platform digital penajaan dana alternatif bagi memenuhi keperluan penggiat yang kurang mendapat perkhidmatan dalam sektor strategik seperti pertanian," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Pendanaan ramai ekuiti (ECF) dan pembiayaan antara rakan setera (P2P) merupakan antara mekanisme pembiayaan alternatif yang dibincangkan sebagai kaedah berpotensi untuk membantu membiayai sektor pertanian.

Antara yang menghadiri bengkel sehari itu ialah pegawai termasuk wakil daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan serta Agrobank.

"Dalam bengkel tersebut, peserta menggesa penyelarasan ekosistem yang lebih besar bagi menggerakkan sektor pertanian ke hadapan dan mengukuhkan sekuriti makanan negara.

"Mereka juga menekankan perlunya kesedaran yang lebih tinggi mengenai peranan pem-

biayaan alternatif untuk sektor pertanian dan mengalu-alukan pembangunan instrumen pembiayaan lebih inovatif bagi memenuhi pelbagai keperluan perniagaan agro," kata suruhanjaya tersebut.

Dalam pada itu, SC turut merancang untuk melangsungkan penglibatan industri yang lebih luas bersama pemegang kepentingan utama pada tahun depan termasuk menganjurkan Persidangan GROW@ Fintech,

ia akan diikuti dengan bengkel GROW@ di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran mengenai pendanaan ECF dan pembiayaan P2P sebagai pilihan pembiayaan yang berdaya maju bagi PKS asas tani mengembangkan perniagaan mereka.

Program-program berkenaan akan melengkapkan usaha berterusan kerajaan untuk menyokong pengumpulan dana alternatif oleh perniagaan pertanian seperti Malaysia Co-investment Fund (MyCIF). - *Berriama*



Pembiayaan alternatif untuk sektor tani amat perlu bagi menangani jurang pembiayaan yang dihadapi oleh perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) berasaskan pertanian.

meningkatkan keselamatan makanan negara, kata pengawal selia pasaran modal itu. "GROW merupakan usaha kolaboratif oleh SC dan rakan ekosistemnya untuk memanfaatkan-